

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# DR. M: HANYA BN MAMPU TUNAI JANJII2

Oleh AHMAD PUAD ONAH

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat, khususnya para pengundi, tentang perlunya mereka memilih sebuah Kerajaan yang dapat melaksanakan dasar-dasar dengan bijak dan menunaikan segala janjinya.

Bellau berkata, dalam memilih sebuah Kerajaan, rakyat hendaklah memastikan Kerajaan tersebut tidak menukar dasar-dasar sesuka hati.

"Sebaliknya, mereka hendaklah memilih sebuah Kerajaan yang dapat melaksanakan dasar-dasar bijak mengenai perindustrian, pertumbuhan ekonomi, hubungan luar dan lain-lain polisi yang dijalankan di negara ini," ujar Perdana Menteri.

Bercakap selaku Pengerusi Barisan Nasional dalam

ceramah politik menerusi Radio Malaysia malam ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, hanya Barisan Nasional dapat menubuhkan Kerajaan yang dapat menjamin keselamatan dan kestabilan negara.

"Sejak 25 tahun BN dan parti terdahulu darinya, Perikatan, memerintah negara ini, kita menunjukkan keseimbangan dalam mengikuti dasar-dasar kita.

"Dan ini membolehkan orang luar melabur di negara ini dan pelaburan adalah penting kerana kita perlu mewujudkan pekerjaan kepada semua rakyat negara ini," tambah bellau.

Bellau menambah, jika kita tidak mempunyai dasar yang lengkap tentang pelaburan, peluang pekerjaan akan sukar diperolehi dan ini boleh menjejaskan rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, BN mempunyai rekod memerintah negara ini selama 25 tahun dan dalam tempoh

tersebut, negara mengalami pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik.

"Ini adalah hasil dasar-dasar bijak yang diikuti oleh Kerajaan BN," tegasnya.

Pengerusi BN itu berkata, parti-parti pembangkang yang ada di negara ini tidak mungkin dapat menubuhkan Kerajaan.

"Ini disebabkan, walaupun terdapat beberapa parti politik, hanya BN merupakan parti yang betul-betul bercorak nasional," ujarnya.

Parti-parti lain, tambahnya, meletakkan beberapa calon di kawasan tertentu sahaja dan calon-calon mereka tidak mewakili semua kaum di negara ini.

"Kalau kita memilih calon daripada parti yang boleh membentuk Kerajaan, maka kita akan mendapat Kerajaan yang berkhidmat kepada kita.

"Sebaliknya, calon-calon yang mewakili parti pembangkang tidak mungkin men-

dirikan Kerajaan dan oleh kerana itu, mereka tidak mungkin membuat sesuatu pun untuk kepentingan rakyat," tegas bellau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan, calon-calon parti pembangkang hanya boleh merayu kepada Kerajaan.

Sebaliknya, calon-calon daripada BN, yang akan membentuk Kerajaan, adalah lebih dekat kepada Kerajaan dan segala janji mereka dapat dipertimbang dengan mudah dan ditunaikan oleh Kerajaan di mana mampu.

Bellau berkata, janji-janji yang dibuat oleh parti pembangkang akan tinggal janji sahaja kerana mereka tidak mungkin berkuasa menunaikan janji.

"Janji mereka dibuat semata-mata mendapat undi, dan selepas itu apabila mereka menang dan tidak dapat menunaikan janji, mereka akan menyalahkan Kerajaan.

"Ini menunjukkan mereka sebenarnya membuat dakwah semata-mata," jelasnya.